

Ngah Ibrahim: Kerja pemindahan lancar

Daripada MOHD. FAIRUZ YUSOF

SINGAPURA 7 Sept. - Kerja-kerja menggali dan memindahkan rangka dua pahlawan Melayu Perak, Allahyarham Menteri Paduka Tuan, Ngah Ibrahim Long Jaafar dan Allahyarham Laksamana Mohd. Amin Alang Duakap, masing-masing di Pusara Al-Junied dan Pusara Abadi di sini, berjalan lancar.

Seramai 24 orang iaitu 16 daripada Jabatan Warisan Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta lapan kakitangan anak syarikat Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Warees Pte. Ltd. memulakan kerja-kerja tersebut sejak semalam.

Kerja-kerja menggali kubur Allahyarham Ngah Ibrahim di Pusara Al-Junied

yang bermula semalam, disambung semula kira-kira pukul 8 pagi ini.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk N. Parameswaran; Pesuruhjaya Warisan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Prof. Dr. Zuraina Majid; ahli keluarga Ngah Ibrahim diketuai Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad dan ahli keluarga Mohd. Amin, Abdul Rahman Mahmud turut menyaksikan kerja-kerja tersebut.

Kerja-kerja mengangkat rangka Allahyarham Ngah Ibrahim selesai kira-kira pukul i2.10 tengah hari ini dan kemudian dimasukkan ke dalam keranda dibaluti Jalur Gemilang.

Kurator Arkeologi Jabatan Warisan Negara, Khalid Syed Ali berkata, kerja tersebut berjalan lancar, malah pasukan berkenaan tidak perlu menunggu lama untuk menemui

rangka tulang kaki tokoh tersebut.

"Sejurus menemui tulang kaki itu, kita menghadapi kesulitan kerana terdapat dua mata air di dalam kubur itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Jelasnya, terdapat beberapa tulang yang telah reput dan bercampur dengan tanah, menyebabkan mereka turut membawa tanah itu untuk disemadikan di Perak.

Jenazah

"Tanah berkenaan mungkin mengandungi tulang yang telah reput dan perlu mengambilnya supaya jenazah dapat dikebumikan dengan sempurna," katanya.

Khalid memberitahu, beberapa strategi telah diambil dalam memastikan kerja-kerja pemindahan tersebut berjalan lancar.

Katanya, terdapat beberapa barangan

seperti kepek yang dibina di dinding kubur Allahyarham akan turut dibawa pulang ke Perak untuk diletakkan di pusara baru.

Dalam pada itu katanya, kerja-kerja perpindahan kubur Allahyarham Mohd. Amin di Pusara Abadi berjalan lancar dan tidak menghadapi masalah untuk mengalihkannya rangka yang terdapat di dalam kubur itu.

Tambahnya, kedua-dua tokoh tersebut kemudian dibawa menuju ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (FTP) Gelang Patah Johor dan dipindahkan ke kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Sri Laksamana untuk dibawa pulang ke Lumut, Perak yang mengambil masa 32 jam untuk sampai di sana.

Sementara itu, waris Ngah Ibrahim, Dr. Wan Mohd. Isa berkata, beliau meminta

mana-mana pihak menghentikan pertikaian tentang kesahihan kubur arwah datuknya yang disemadikan di sini kira-kira 100 tahun lalu.

Menurut beliau, terdapat banyak bukti sahih yang menunjukkan kubur Allahyarham Ngah Ibrahim dikebumikan di Pusara Al-Junied.

"Tidak perlu lagi dipertikaikan kerana beberapa kajian telah dijalankan dan membuktikan kubur Arwah Ngah Ibrahim di semadikan, di sini," jelasnya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Singapura, Kerajaan Negeri Perak, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, MUIS serta semua pihak yang terlibat dalam pemindahan pusara kedua-dua tokoh Pahlawan Perak itu.

-Utusan